

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

**TARIKH JAWAPAN : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan TNB untuk memastikan bekalan tenaga negara yang mencukupi dan TNB mendapat keuntungan yang baik. Adakah tarif dapat dikekalkan atau dapat dikurangkan untuk kesejahteraan rakyat dan juga kemudahan kepada usahawan-usahawan dan industri yang bergantung kepada bekalan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi memastikan bekalan tenaga elektrik yang mencukupi, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah menubuhkan satu jawatankuasa khusus bernama Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif atau ringkasnya (JPPPET) bagi mengkaji dan mengenalpasti keperluan tenaga elektrik sehingga 20 (dua puluh) tahun yang akan datang. Sehingga tahun 2020, pelbagai projek janakuasa baru telah dirancang dan dibangunkan disamping melanjutkan operasi beberapa stesen janakuasa sedia ada sementara menunggu loji-loji janakuasa baru siap dibina dan beroperasi.

2. Dalam pada itu, bagi memastikan TNB berupaya membekalkan tenaga elektrik yang mencukupi dan mendapat pulangan mencukupi, pelbagai kaedah telah diguna dan diterokai seperti berikut:

- (i) menangani kes-kes kecurian elektrik dengan lebih serius supaya kehilangan tenaga dalam sistem pembekalan elektrik dapat diminimumkan;

- (ii) memasang sistem SCADA (*Supervisory Control and Data Acquisition*) dengan lebih meluas di seluruh negara untuk membolehkan operasi sistem pembekalan dijalankan dengan lebih efisien;
- (iii) melaksana pelan menyeluruh bagi senggaraan yang cekap dan berkesan ke atas sistem pembekalan elektrik;
- (iv) melaksana program rombakrawat loji-loji janakuasa yang telah lama beroperasi bagi meningkatkan kecekapan dalam menjana tenaga elektrik; dan
- (v) menggunakan pendekatan berasaskan kawalselia berinsentif atau *Incentive-Based Regulation* ketika menyemak tarif asas TNB setiap 3 hingga 5 tahun.

3. Pihak Kerajaan juga mengambil maklum akan keprihatinan Yang Berhormat berkaitan dengan kadar tarif elektrik pada masa kini. Sebagai Kerajaan yang bertanggung jawab dan peka terhadap kebajikan rakyat, Kerajaan terus menerokai pelbagai kaedah untuk mengurangkan kesan kenaikan kos bahan api dan komponen penjanaan lain kepada rakyat. Umpamanya, Kerajaan akan menggunakan hasil penjimatan daripada rundingan semula Perjanjian Jual Beli Tenaga daripada penjana tenaga bebas (IPP) generasi pertama, bagi menampung sebahagian kos tersebut. Dalam pada itu, Kerajaan akan memastikan sebarang

pelepasan kos bahan api dan komponen lain penjanaan elektrik tidak dikenakan kepada golongan berpendapatan rendah yang menggunakan elektrik 300 kWj dan ke bawah sebulan iaitu melibatkan seramai 4.56 juta pengguna.

4. Manakala bagi kalangan usahawan dan industri, pihak kerajaan masih menyediakan skim Tarif Industri Khas (TIK) yang telah diberikan kepada industri sejak tahun 1996 bertujuan untuk membantu industri ketika menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa berkenaan. Skim TIK ini diberikan kepada industri yang layak dimana kos elektriknya adalah melebihi 5% berbanding kos operasi keseluruhan. Namun begitu, Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan TIK ini secara berperingkat.

5. Pada masa yang sama, satu skim tarif baru iaitu tarif Enhanced-Time of Used (E-ToU) akan mula diperkenalkan pada awal tahun 2015 sebagai opsyen untuk pengguna industri dan komersil yang berada dalam kumpulan Voltan Sederhana (Medium Voltage) dan Voltan Tinggi (High Voltage). Di bawah skim ini, terdapat tiga zon masa yang berbeza dari segi kadar tarif iaitu Kadar Puncak, Kadar Pertengahan Puncak dan Kadar Di Luar Puncak di mana Kadar Puncak adalah merupakan kadar yang termahal manakala Kadar Di Luar Puncak adalah kadar yang

termurah. Dengan adanya skim tarif baru ini, usahawan-usahawan dan industri yang bergantung kepada bekalan elektrik berpeluang untuk menjimatkan penggunaan bekalan elektrik mereka melalui perancangan pengoperasian yang teliti.
